

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 3 APRIL 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 7

## Data asas rakyat bantu kenal pasti golongan layak terima subsidi

### Data asas rakyat bantu kenal pasti golongan layak terima subsidi

**SHAH ALAM** - Kerajaan tidak mempunyai masalah untuk menyalurkan subsidi bersasar meskipun hanya separuh penduduk berusia 18 tahun mendaftar dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) selepas ia ditutup pada Ahad.



**MOHD AFZANIZAM**

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, data asas rakyat yang direkodkan di bawah pelbagai agensi kerajaan akan dapat membantu mengenal pasti golongan layak menerima subsidi berkenaan.

"Dengan adanya data-data asas itu sudah tentu penyaluran subsidi bersasar seperti yang dirancang kerajaan masih boleh dilaksanakan dan ia akan membantu dalam pengagihan yang adil kepada rakyat.

"Bagaimanapun tidak dinafikan mungkin akan wujud kelompongan dari segi ketepatan kerana data asas itu mungkin tidak dikemas kini dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Mengulas lanjut, Mohd Afzanizam berpandangan, PADU sepatutnya bersifat lebih komprehensif kerana objektifnya mahu memastikan subsidi dinikmati oleh golongan yang betul-betul layak.

Justeru, tegasnya, jika kerajaan membuka semula pendaftaran PADU selepas ini rakyat sepatutnya merebut peluang itu untuk berbuat demikian agar maklumat benar-benar tepat.

"Sebab kita tak nak adanya lompong atau pemberian subsidi tidak menjangkau semua populasi rakyat. Kita juga tidak mahu ada ketirisan kerana maklumat yang tidak dikemas kini atau maklumat yang tidak mencukupi.

"Sekiranya kurang ketirisan, akan ada penjimatan dan ia boleh disalurkan kepada mereka yang lebih layak," ujar beliau.